

20 JUL 2001

Mahathir-Taklimat

PM DIBERI TAKLIMAT PEMBESARAN LAPANGAN TERBANG

KOTA BAHARU, 20 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali hari ini diberikan taklimat mengenai projek pembesaran Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Pengkalan Chepa di sini.

Taklimat itu disampaikan Pengarah Urusan Malaysia Airport Berhad Datuk Adnan Shamsudin sejurus selepas ketibaan Perdana Menteri dan isteri yang sedang dalam rangka lawatan sehari ke negeri ini di lapangan terbang itu pada pukul 8.50 pagi.

Yang turut hadir ialah Ketua Umno Kelantan Datuk Mustapa Mohamed, Ketua Umno Gua Musang Tengku Razaleigh Hamzah, Pengerusi KUB Datuk Hassan Harun dan beberapa pegawai kanan kerajaan persekutuan.

Pengarah Urusan Syarikat Kubang Batang Puspasari Sdn Bhd, syarikat yang bertanggungjawab melaksanakan pembesaran itu, Ahmad Rosdi Mahmud dalam taklimatnya pula berkata pembesaran itu menelan belanja RM48.5 juta.

Katanya projek pembesaran itu yang bermula pada 25 Okt 2000 telah 33 peratus siap iaitu mendahului dua peratus daripada jadual asal.

Beliau berkata projek itu yang kini telah memasuki fasa kedua dijangka siap pada penghujung 2002 atau lebih awal daripada itu.

Perasmian pecah tanah projek itu telah disempurnakan oleh Dr Mahathir pada 22 Julai 1999.

Perdana Menteri kemudiannya meluangkan masa beramah mesra dengan kira-kira 20 penghuni Yayasan Pemulihan Orang Cacat, Pengkalan Chepa sebelum merasmikan Program Celik IT di Sek Menengah Kebangsaan Kubang Kerian 2 di sini.

Dr Mahathir dan rombongan dijadual pulang ke ibu negara pada pukul 11 malam ini.

-- BERNAMA

ZI RHM